Kempen "Geng Labur ASB!"
("Kempen")

A) <u>Terma dan Syarat</u>

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (Registration No. 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").

2. Kempen ini akan bermula dari 1 Ogos 2026 sehingga 31 Januari 2027 ("Tempoh Kempen"). ASNB, mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk mengubah, menangguhkan, manjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen dan/atau mana-mana Tarikh pemilihan pemenang.

3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen ("Peserta") bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat di bawah ("Terma dan Syarat").

4. **Kelayakan**

   4.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit sedia ada atau yang baharu berdaftar bagi Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dalam Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja, kecuali semua pekerja dan ahli keluarga terdekat, iaitu pasangan dan anak kepada pekerja Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan kumpulan syarikatnya dan/atau entiti berikut (secara kolektif, "Kumpulan PNB") yang mana berkenaan ("Peserta"):

   i. ASNB;
   ii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (Registration No. 198801008611 (175967-W));
   iii. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (Registration No. 200001015384 (517991-A));
   iv. PNB Research Institute Sdn Bhd (Registration No. 198501007000 (139442-U));
   v. Attana Hospitality Group (Registration No. 201801002246 (1264259-A));
   vi. PNB Commercial Sdn Berhad (Registration No. 200001015419 (518026-P)); and
   vii. Mana-mana Syarikat dan/atau entiti lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah PNB.

5. **Penyertaan dan Pendaftaran Kempen**

   5.1 Seorang Peserta boleh menyertai sama ada:

   5.1.1 Secara individu, di mana seorang pemegang unit layak berdasarkan Pelaburan Tambahan Bersih pemegang unit itu sendiri (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausa 7.2 di bawah); atau

   5.1.2 Sebagai sebahagian daripada kumpulan berdaftar, di mana dua (2) hingga empat (4) pemegang unit boleh menyertai secara bersama berdasarkan Pelaburan Tambahan Bersih kolektif mereka yang layak ("Kumpulan Berdaftar")

INTERNAL

5.2 Untuk menyertai Kempen ini, Peserta hendaklah melengkapkan proses pendaftaran dengan menghantar borang pendaftaran dalam talian yang disediakan oleh ASNB melalui laman web rasminya atau platform lain sebagaimana yang ditetapkan oleh ASNB, pada atau sebelum tarikh tutup pemilihan pemenang yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah Klausa 7.

5.3 Bagi penyertaan kumpulan:

5.3.1 Borang pendaftaran kumpulan hendaklah mengandungi butiran ketua Kumpulan Berdaftar ("Ketua Kumpulan") dan semua ahli kumpulan.

5.3.2 Setiap Peserta hanya boleh didaftarkan di bawah satu (1) Kumpulan Berdaftar sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

5.3.3 Sekiranya seseorang Peserta didapati berdaftar di bawah lebih daripada satu (1) Kumpulan Berdaftar, Kumpulan Berdaftar yang pertama berjaya dihantar dan disahkan akan diguna pakai. Sebarang pendaftaran berikutnya yang melibatkan Peserta yang sama akan ditolak, dibatalkan kelayakan atau tidak diendahkan oleh ASNB atas budi bicara mutlaknya.

5.3.4 Keahlian kumpulan hendaklah ditentukan semata-mata berdasarkan maklumat yang dihantar dan berjaya disahkan oleh ASNB melalui borang pendaftaran kumpulan.

5.3.5 Setelah borang pendaftaran kumpulan berjaya dihantar dan disahkan, Kumpulan Berdaftar hendaklah dianggap muktamad dan mengikat untuk keseluruhan Tempoh Kempen.

5.3.6 Kumpulan Berdaftar hendaklah kekal tidak berubah sepanjang Tempoh Kempen dan untuk semua pemilihan pemenang yang dijalankan di bawah Kempen ini. Tiada penambahan, pengeluaran, penggantian, pemindahan atau penukaran mana-mana ahli kumpulan dibenarkan selepas pendaftaran Kumpulan Berdaftar berjaya, melainkan ditentukan sebaliknya oleh ASNB atas budi bicara mutlaknya.

5.4 Dengan menghantar borang pendaftaran kumpulan, Ketua Kumpulan mengaku, menjamin dan mengesahkan kepada ASNB bahawa:

5.4.1 Ketua Kumpulan telah memperoleh persetujuan yang jelas daripada semua ahli kumpulan untuk mendaftarkan Kumpulan Berdaftar bagi Kempen ini;

5.4.2 semua ahli kumpulan telah bersetuju untuk menyertai sebagai sebahagian daripada Kumpulan Berdaftar dan untuk menggabungkan Pelaburan Tambahan Bersih mereka yang layak bagi tujuan pengiraan tiket;

5.4.3 maklumat yang dihantar dalam borang pendaftaran kumpulan adalah benar, lengkap dan tepat;

5.4.4 Ketua Kumpulan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua ahli kumpulan mengetahui dan bersetuju dengan Terma dan Syarat; dan

INTERNAL

5.4.5 ASNB tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, pertikaian atau liabiliti yang timbul daripada kegagalan Ketua Kumpulan untuk memperoleh persetujuan, kebenaran atau perjanjian yang diperlukan daripada mana-mana ahli kumpulan.

5.5 Peserta hendaklah merupakan pemegang unit berdaftar dengan butiran peribadi yang semasa dan dikemas kini untuk layak menyertai Kempen ini.

5.6 Peserta dikehendaki mendaftar sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

5.7 Sekiranya seseorang Peserta telah mendaftar untuk Kempen ini sebagai Peserta individu dan kemudiannya dimasukkan sebagai ahli Kumpulan Berdaftar melalui borang pendaftaran kumpulan yang berjaya dihantar dan disahkan oleh ASNB, ASNB boleh, atas budi bicara mutlaknya, menganggap pendaftaran Kumpulan Berdaftar tersebut menggantikan pendaftaran individu Peserta itu.

5.8 Bagi mengelakkan keraguan, berhubung dengan Klausa 5.7, sebaik sahaja pendaftaran Kumpulan Berdaftar disahkan oleh ASNB, Pelaburan Tambahan Bersih Peserta yang layak akan digabungkan di bawah Kumpulan Berdaftar bagi tujuan pengiraan tiket dan tidak akan dikira secara berasingan untuk kelayakan tiket individu.

6. Jenis Pelaburan dan Platform Transaksi

6.1 Semua jenis pelaburan adalah layak untuk Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tunai, pembiayaan bank, Skim Potongan Gaji, Auto Labur, dan ASB Plus. Ini tidak termasuk pelaburan yang dibuat melalui pengagihan pendapatan, transaksi tukaran dan pemindahan.

6.2 Peserta boleh melaksanakan transaksi pelaburan yang layak di mana-mana saluran ASNB atau ejennya atau melalui mana-mana platform berikut ("Platform"):

i. Di kaunter ("OTC") di cawangan ASNB dan ejen-ejennya;
ii. myASNB iaitu melalui portal (www.myasnb.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih;
iii. Ejen perbankan internet yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB iaitu MAE, Maybank2u, CIMB Octo, CIMB Clicks, RHB Now, Affin Online, HLB Connect, Bank Islam GO dan AmOnline;
iv. Ejen Digital ASNB iaitu TouchnGo eWallet dan ejen digital lain yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
v. ATM Bank Maybank dan CIMB atau mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
vi. Skim Potongan Gaji ("SDS") (syarikat kerajaan dan swasta);
vii. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional; atau
viii. Auto Labur melalui portal myASNB dan/atau aplikasi mudah alih.

INTERNAL

7. **Mekanisme Kelayakan Tiket**

7.1 Untuk melayakkan diri bagi kelayakan tiket Kempen ini, Peserta, sama ada individu atau Kumpulan Berdaftar hendaklah memenuhi keperluan pelaburan yang melayakkan seperti yang dinyatakan di bawah.

7.1.1 Bagi penyertaan individu, seseorang Peserta hendaklah mencapai Pelaburan Tambahan Bersih minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dalam ASB sepanjang tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang berkenaan.

7.1.2 Bagi penyertaan kumpulan, sesebuah Kumpulan Berdaftar hendaklah secara kolektif mencapai Pelaburan Tambahan Bersih minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dalam ASB sepanjang tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang berkenaan.

7.2 Bagi tujuan Kempen ini, "Pelaburan Tambahan Bersih" bermaksud peningkatan baki pelaburan ASB sepanjang tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang berkenaan, yang dikira dengan membandingkan baki ASB Peserta pada tarikh mula Tempoh Kempen berbanding baki ASB pada tarikh tamat tempoh pelaburan yang berkenaan (sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1), selepas ditolak sebarang penebusan, pembalikan, pemindahan, transaksi tukaran (switching), pengagihan pendapatan dan/atau sebarang transaksi lain yang ditentukan oleh ASNB sebagai tidak layak bagi tujuan Kempen ini.

7.3 Pelaburan Tambahan Bersih boleh dikumpulkan melalui pelbagai transaksi yang layak sepanjang tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang berkenaan.

7.4 Keperluan tambahan bagi Kumpulan Berdaftar adalah seperti berikut:

7.4.1 Setiap ahli Kumpulan Berdaftar hendaklah menyumbang Pelaburan Tambahan Bersih yang layak minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sepanjang tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang berkenaan.

7.4.2 Pelaburan Tambahan Bersih Kumpulan Berdaftar yang layak hendaklah digabungkan di bawah Kumpulan Berdaftar bagi tujuan pengiraan tiket dan tidak akan dikira secara berasingan untuk kelayakan tiket individu.

7.5 Tiket hendaklah diberikan berdasarkan Pelaburan Tambahan Bersih yang telah disahkan yang dicapai sepanjang tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang berkenaan dan hendaklah dimuktamadkan berdasarkan Pelaburan Tambahan Bersih yang telah disahkan yang dikekalkan oleh Peserta pada tarikh tutup pemilihan pemenang yang berkenaan seperti yang dinyatakan di bawah:

INTERNAL

Jadual 1: Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang	Tempoh Pelaburan	
	Mula	**Tamat**
Cabutan 1	1 Ogos 2026	31 Oktober 2026
Cabutan 2	1 Ogos 2026	31 Januari 2027

7.6 Bagi setiap blok Pelaburan Tambahan Bersih yang telah disahkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) ("Blok Lengkap"), seseorang Peserta yang layak, berhak untuk mendapat dua puluh (20) tiket:

7.6.1 Tiket hendaklah dikira berdasarkan Blok Lengkap sahaja. Sebarang baki amaun di bawah satu Blok Lengkap tidak akan dikira untuk kelayakan tiket.

7.6.2 Sesebuah Kumpulan Berdaftar yang mencapai Blok Lengkap pertama yang melayakkan hendaklah menerima bonus kumpulan tambahan sebanyak sepuluh (10) tiket.

7.6.3 Bonus kumpulan hendaklah diberikan sekali sahaja, apabila Kumpulan Berdaftar berjaya melayakkan diri untuk kelayakan tiket buat kali pertama di bawah Kempen ini.

7.6.4 Tiada had bagi bilangan tiket yang boleh diperoleh oleh Peserta di bawah Kempen ini. Setiap Blok Lengkap tambahan hendaklah melayakkan Peserta untuk mendapat tiket tambahan.

7.7 Ilustrasi pengiraan tiket disediakan dalam dokumen Soalan Lazim, yang diterbitkan di laman web ASNB, untuk tujuan rujukan sahaja.

8. Hadiah Kempen

8.1 Hadiah Kempen dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Hadiah Kempen

Kategori	**Hadiah**	**Bilangan Pemenang**
Cabutan 1		
Hadiah Utama	Pakej percutian menyeluruh selama tujuh (7) hari enam (6) malam (7H6M) ke **Sahoro, Hokkaido, Jepun, dengan anggaran nilai sehingga RM80,000.00 sahaja** untuk kumpulan empat	1

INTERNAL

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang
	(4) orang, sama ada dua (2) dewasa dan dua (2) kanak-kanak atau empat (4) dewasa, termasuk penginapan, hidangan, penerbangan dan pakej ski, tertakluk kepada terma dan syarat vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga	
Hadiah Saguhati	Pakej percutian menyeluruh selama tiga (3) hari dua (2) malam (3H2M) ke **Pangkor Laut Resort, dengan anggaran nilai sehingga RM10,000.00 sahaja** untuk kumpulan empat (4) orang, sama ada dua (2) dewasa dan dua (2) kanak-kanak atau empat (4) dewasa, termasuk penginapan dan hidangan, tidak termasuk pengangkutan darat, tertakluk kepada terma dan syarat vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga	5
Cabutan 2		
Hadiah Utama	Pakej percutian menyeluruh selama enam (6) hari lima (5) malam (6H5M) ke **Beach & Safari, Afrika Selatan, dengan anggaran nilai sehingga RM80,000.00 sahaja**, untuk kumpulan empat (4) orang, sama ada dua (2) dewasa dan dua (2) kanak-kanak atau empat (4) dewasa, termasuk penginapan, hidangan, penerbangan dan pakej aktiviti safari, tertakluk kepada ketersediaan pakej, tempoh perjalanan, terma dan syarat vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga.	1
Hadiah Saguhati	Pakej percutian menyeluruh selama tiga (3) hari dua (2) malam (3H2M) ke **Club Med Borneo, dengan anggaran nilai sehingga RM10,000.00 sahaja**, untuk kumpulan empat (4) orang, sama ada dua (2) dewasa dan dua (2) kanak-kanak atau empat (4) dewasa, termasuk penginapan dan hidangan, tertakluk kepada ketersediaan pakej, tempoh perjalanan, terma dan syarat vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga.	5

INTERNAL

8.2 Hadiah adalah dalam bentuk barangan bukan tunai dan tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau apa-apa barangan lain, dan tiada bayaran balik tunai atau pampasan akan diberikan sekiranya hadiah tidak digunakan sepenuhnya oleh pemenang.

8.3 ASNB berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah yang mempunyai nilai yang setara pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.

8.4 Bagi tujuan Kempen ini, "pakej percutian menyeluruh" hendaklah bermaksud hanya perkara-perkara yang dinyatakan secara nyata dalam Jadual 2 di atas dan/atau sebagaimana yang termasuk di bawah pakej berkenaan yang ditawarkan oleh vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik, sentiasa tertakluk kepada nilai hadiah yang dinyatakan, ketersediaan pakej, tempoh perjalanan dan terma dan syarat vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

8.5 Setiap hadiah adalah terhad kepada anggaran nilai yang dinyatakan dalam Jadual 2 di atas atau apa-apa nilai lain sebagaimana yang ditentukan oleh ASNB dan/atau vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik. Sebarang kos, perbelanjaan, caj atau bayaran yang melebihi nilai hadiah yang dinyatakan atau yang tidak termasuk secara nyata dalam pakej hadiah, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.

8.6 Melainkan dinyatakan secara nyata sebagai sebahagian daripada pakej hadiah, pemenang hendaklah bertanggungjawab atas semua kos tambahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan peribadi, naik taraf, orang tambahan, insurans perjalanan, kos berkaitan visa atau pasport, pengangkutan pergi dan balik dari tempat berlepas, cukai, duti, levi, caj, hidangan di luar pakej, aktiviti pilihan dan sebarang perbelanjaan sampingan lain.

8.7 Hadiah percutian adalah tertakluk kepada ketersediaan, tarikh larangan (blackout dates), tarikh perjalanan, jadual penerbangan, ketersediaan penginapan, terma dan syarat vendor, dan sebarang keperluan lain yang dikenakan oleh vendor atau mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik.

8.8 ASNB tidak bertanggungjawab atas sebarang kegagalan pemenang untuk menggunakan hadiah disebabkan keadaan peribadi, sekatan perjalanan, isu visa atau pasport, keadaan perubatan atau sebarang sebab lain di luar kawalan ASNB.

8.9 Setiap pemenang hendaklah memikul liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kehilangan, kerosakan, tuntutan atau nahas (termasuk kecederaan peribadi dan/atau kematian) yang berpunca daripada penggunaan hadiah. ASNB tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dalam apa jua cara sekalipun yang dialami oleh pemenang akibat penggunaan hadiah.

INTERNAL

8.10 ASNB tidak membuat sebarang representasi atau jaminan terhadap kualiti, kesesuaian, keselamatan, kebolehdagangan atau kesesuaian bagi sesuatu tujuan berkenaan mana-mana perjalanan, penginapan, pengangkutan, aktiviti atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh vendor atau mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik.

8.11 ASNB bertindak semata-mata sebagai penganjur Kempen ini dan bukan penyedia bagi sebarang perkhidmatan berkaitan perjalanan yang menjadi sebahagian daripada hadiah. ASNB tidak bertanggungjawab atau berliabiliti atas sebarang perbuatan, peninggalan, pembatalan, kelewatan, perubahan, kecacatan, kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh vendor atau mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik. Sebarang aduan, tuntutan atau pertikaian berkaitan perkhidmatan tersebut hendaklah dikemukakan terus kepada vendor atau penyedia perkhidmatan yang berkenaan.

9. **Pemilihan Pemenang**

9.1 Pemenang hendaklah dipilih daripada kumpulan Peserta yang layak melalui proses cabutan yang dijalankan oleh ASNB, sama ada secara elektronik, berkomputer, cabutan secara langsung atau sebarang kaedah lain yang ditentukan oleh ASNB atas budi bicara mutlaknya.

9.2 Terdapat dua (2) cabutan yang akan dijalankan di bawah Kempen ini, selaras dengan tempoh pelaburan pemilihan pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah Klausa 7.

9.3 Tiket yang diperoleh untuk Cabutan 1 hendaklah kekal layak untuk Cabutan 2 melainkan Peserta telah pun memenangi hadiah dan sebaliknya menjadi tidak layak menurut Terma dan Syarat. Peserta yang tidak memenangi hadiah dalam Cabutan 1 hendaklah secara automatik kekal layak untuk Cabutan 2, tertakluk kepada pematuhan berterusan terhadap Terma dan Syarat.

9.4 Pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

9.5 Sekiranya seseorang Peserta telah memenangi Hadiah di bawah Cabutan 1, semua tiket Kempen yang berkaitan dengan Peserta yang menang itu, sama ada secara individu atau Kumpulan Berdaftar, hendaklah dikeluarkan daripada pemilihan pemenang berikutnya di bawah Kempen ini.

INTERNAL

9.6 Sekiranya sesebuah Kumpulan Berdaftar dipilih sebagai pemenang, semua ahli Kumpulan Berdaftar hendaklah dianggap sebagai pemenang bagi tujuan Kempen ini.

9.7 Sekiranya sesebuah Kumpulan Berdaftar dipilih sebagai pemenang, ASNB berhak untuk menyerahkan hadiah kepada Ketua Kumpulan bagi pihak Kumpulan Berdaftar.

9.7.1 Semua ahli kumpulan bersetuju untuk berurusan secara terus dengan Ketua Kumpulan berkenaan sebarang pengaturan, pengagihan, pembahagian atau penikmatan hadiah dan tidak mempunyai sebarang tuntutan sama sekali terhadap ASNB berhubung hadiah tersebut atau mana-mana bahagiannya; dan

9.7.2 ASNB tidak bertanggungjawab atas sebarang pertikaian, perselisihan, tuntutan atau pengaturan antara ahli kumpulan berkaitan pemilikan, pengagihan, pembahagian atau penikmatan sebarang hadiah yang diberikan kepada Kumpulan Berdaftar.

9.8 ASNB berhak untuk mengesahkan kelayakan mana-mana Peserta, sama ada individu dan Kumpulan Berdaftar, serta kelayakan tiket sebelum, semasa atau selepas pemilihan pemenang.

9.9 ASNB akan menghubungi pemenang sementara melalui panggilan yang dirakam dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas tamat Tempoh Pelaburan yang berkenaan. Sekiranya ASNB tidak dapat menghubungi pemenang sementara selepas sekurang-kurangnya tiga (3) percubaan dan/atau pemenang sementara tidak mahu menerima hadiah apabila dihubungi oleh ASNB, pemenang sementara tersebut akan dianggap hilang kelayakan daripada menjadi pemenang hadiah tersebut.

9.10 Sekiranya sesebuah Kumpulan Berdaftar dipilih sebagai pemenang dan Ketua Kumpulan tidak dapat dihubungi atau gagal memberi respons sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausa 9.9, ASNB boleh, atas budi bicara mutlaknya, menghubungi ahli kumpulan seterusnya berdasarkan susunan ahli yang dihantar dalam borang pendaftaran kumpulan bagi tujuan pemberitahuan hadiah dan/atau penyelarasan pelaksanaan. Sekiranya ASNB tidak dapat menghubungi Ketua Kumpulan dan ahli kumpulan seterusnya, ASNB berhak untuk melucutkan Hadiah tersebut.

9.11 Sekiranya pemenang tidak memberi respons dan/atau tidak memenuhi sebarang keperluan berkaitan pengaturan hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas dihubungi oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan dan/atau melepaskan hadiah tersebut.

9.12 ASNB berhak untuk memilih pemenang alternatif sekiranya seseorang pemenang didapati tidak layak, gagal pengesahan, gagal memenuhi sebarang keperluan di bawah Terma dan Syarat atau melucutkan hadiah.

INTERNAL

9.13 ASNB hendaklah menentukan kaedah penyampaian hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada majlis penyampaian hadiah atau sebarang kaedah lain yang difikirkan sesuai. Pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah, sekiranya ada. Sekiranya seseorang pemenang tidak dapat hadir, ASNB berhak untuk melucutkan kelayakan pemenang tersebut dan tiada pampasan atau pengaturan alternatif akan dibuat.

9.14 Semua kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan tuntutan dan pengambilan hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengangkutan, penginapan dan perbelanjaan peribadi, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.

9.15 Senarai pemenang juga akan diterbitkan oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai seperti laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau mana-mana platform media sosial yang dimiliki oleh ASNB.

B) Terma dan Syarat Am

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:

   1.1 Mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk menerbitkan atau memaparkan nama atau gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, platform dalam talian ASNB dan mana-mana platform lain sebagaimana yang ditentukan oleh ASNB bagi tujuan Kempen ini, menurut dasar privasi ASNB yang boleh didapati di laman web ASNB di www.asnb.com.my;

   1.2 Mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi dalam kalangan Kumpulan PNB, ejen yang diberi kuasa dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk merahsiakan Data Peribadi anda) bagi tujuan menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan kami atau sebarang perkhidmatan berkaitan lain dan sebarang tujuan berkaitan lain menurut keperluan undang-undang yang berkenaan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

2. Semua pemenang Kempen ini hendaklah bertanggungjawab secara peribadi atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan berhubung dengan hadiah dan Kempen ini.

3. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, ASNB dan Kumpulan PNB tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa jua kehilangan atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, walau bagaimanapun timbulnya berkaitan dengan Kempen ini.

4. ASNB tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kemungkiran berhubung Kempen ini disebabkan oleh sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan sistem dan teknikal atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah ASNB.

INTERNAL

5. ASNB berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat di sini tanpa pemberitahuan awal kepada Peserta.

6. ASNB berhak untuk melucutkan kelayakan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan hendaklah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan tipu daya dan/atau muslihat dan/atau penipuan berkaitan Kempen ini.

7. ASNB tidak bertanggungjawab atau berliabiliti atas sebarang kehilangan walau bagaimanapun timbulnya atau dialami oleh Peserta sama ada timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.

8. Terma dan Syarat, termasuk sebarang pindaan, pemadaman atau penambahan, hendaklah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi (termasuk tanpa had bahan promosi bercetak dan elektronik) yang mengiklankan Kempen ini.

9. Sebarang keputusan oleh ASNB atas semua perkara berkaitan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kelayakan, kelayakan tiket, senarai pemenang dan hadiah bagi Kempen ini hendaklah muktamad dan mengikat. Sebarang rayuan, pertikaian atau surat-menyurat tidak akan dilayan.

10. Sekiranya pemenang sementara Kempen ini tidak memberi respons/gagal dihubungi oleh ASNB dalam tempoh yang ditetapkan melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan atau melucutkan hadiah tersebut.

11. Terma dan Syarat hendaklah ditadbir oleh undang-undang Malaysia.

12. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

INTERNAL